

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

SEU225/SEW315 - Ekonomi Pembangunan

Masa: [3 jam]

ARAHAN:

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA BELAS muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Soalan-soalan dibahagikan kepada dua Bahagian A dan B. SEMUA soalan dalam Bahagian A MESTI dijawab, manakala daripada Bahagian B perlu menjawab mana-mana DUA (2) soalan sahaja.
3. Peruntukan markah Bahagian A ialah 60 peratus, manakala Bahagian B ialah 40 peratus. Setiap soalan dalam Bahagian B mempunyai markah yang sama.
4. Jawab soalan Bahagian A di atas kertas jawapan OMR yang dibekalkan.
5. Mesinkira “nonprogrammable” dibenarkan untuk peperiksaan ini.
6. Asingkan ikatan jawapan Bahagian A daripada Bahagian B.
7. Keseluruhan kertas soalan mestilah diserahkan kepada Ketua Pengawas di akhir sidang peperiksaan ini.

Bahagian A

Soalan pelbagai pilihan. Peringatan: jawab semua soalan dalam Bahagian ini di atas kertas jawapan OMR. Pilih jawapan yang betul sama ada A, B, C, D atau E. bagi setiap soalan. kemudian hitamkan pada ruangan (bubble) yang berkenaan di atas kertas jawapan OMR.

Soalan 1 (60 markah)

Bagi no. 1 - 8, pilih jawapan tepat yang ditakrifkan seperti berikut:

- A. Semua keterangan betul
 - B. Hanya keterangan pertama betul
 - C. Hanya keterangan kedua betul
 - D. Hanya keterangan ketiga betul
 - E. Semua keterangan salah
-
1. Teori-teori awal tentang pembangunan lebih tertumpu kepada pertumbuhan ekonomi. Ini adalah kerana:
 - (i) penteorinya dahulu melihat pertumbuhan dan peningkatan pendapatan adalah asas kepada semua kebajikan.
 - (ii) masalah-masalah sampingan jika ada, terselesaikan dengan sendiri melalui mekanisme campuran tangan kerajaan.
 - (iii) andaian pasaran bebas dinyatakan dan diambilkira dalam analisis teori yang dikemukakan.

 2. "Pembangunan ekonomi ialah proses peningkatan KNK benar per kapita bagi suatu tempoh yang panjang."
 - (i) Definisi di atas telah dikemukakan oleh Profesor Simon Kuznet.
 - (ii) Definisi itu tidak dipersetujui oleh ramai ahli ekonomi pembangunan.
 - (iii) Satu daripada cadangan alternatif mengukur pembangunan ekonomi ialah dengan menyukat jumlah keluaran fizikal.

 3. Berdasarkan kepada definisi pembangunan ekonomi yang diberikan dalam soalan 2 di atas, maka:
 - (i) produktiviti per pekerja perlu dipertimbangkan.
 - (ii) kadar pertumbuhan penduduk perlu dihitung.
 - (iii) masalah inflasi mesti diambilkira.

Gunakan Jadual-A1 bagi no. 4-5.

Jadual-A1: Kuantiti Output (Q) dan Harga (P) bagi Tahun 1970 dan 1990

	<i>Q</i> 1970	<i>P</i> 1970	<i>Q</i> 1990	<i>P</i> 1990
Kasut	100	RM10	1,000	RM25
Tayar	50	RM100	100	RM150

4. Kadar pertumbuhan komoditi kasut ialah:

Handwritten calculations for question 4:

$$25000 - 10000 = 15000$$

$$\frac{15000}{10000} \times 100 = 150\%$$

$$\frac{25 - 10}{10} \times 100 = 150\%$$

- (i) 900 peratus dalam tempoh 20 tahun
- (ii) 45 peratus setahun secara purata
- (iii) 9 kali ganda lebih tinggi daripada kadar pertumbuhan komoditi tayar

5. Andaikan Jadual-A1 ialah output dan harga bagi sebuah ekonomi, maka purata kadar pertumbuhan KNK nominal setahun ialah:

- (i) 566.67 peratus
- (ii) 28.33 peratus
- (iii) 33.33 peratus

6. Tokoh berikut mengemukakan teori pembangunan ekonomi yang menekankan keutamaan modal:

- (i) Boeke
- (ii) Malthus
- (iii) Rostow

7. Berikut adalah perkara-perkara yang berkaitan dengan teori pertumbuhan takterimbang:

- (i) pusat pertumbuhan
- (ii) rantaian industri
- (iii) kekurangan usahawan

8. Berikut adalah di antara ciri-ciri perbezaan teori pertumbuhan terimbang (TPT) dengan teori pertumbuhan takterimbang (TPTT):

- (i) TPT mengandaikan kadar pertumbuhan setiap sektor sama manakala TPTT mengandaikan kadar pertumbuhan setiap sektor tidak sama.
- (ii) TPT tidak menekankan kepentingan ekonomi luaran sedangkan TPTT menekankan kepentingan ekonomi luaran.
- (iii) TPT menganggap konstren kemajuan negara-negara membangun ialah faktor antarabangsa tetapi TPTT menganggap konstren itu disebabkan oleh faktor kekurangan modal dan tenaga mahir.

9. Model Pertumbuhan Harrod-Domar memberi perhubungan kadar pertumbuhan sebagai $G = s/k$. Bacaannya ialah kadar pertumbuhan sama juga:
- (A) tabungan dibahagi modal
 - (B) jumlah tabungan dibahagi jumlah modal
 - (C) kecenderungan sut menabung dibahagi jumlah modal
 - (D) kadar tabungan dibahagi jumlah modal
 - (E) kadar tabungan dibahagi nisbah modal-output
10. Berdasarkan kepada pengalaman negara-negara dunia, tahap kadar tabungan negara daripada KNK yang membolehkan negara mencapai kadar pertumbuhan per kapita yang baik ialah:
- (A) 6-7 peratus
 - (B) 8-10 peratus
 - (C) 10 peratus atau lebih
 - (D) 11 peratus atau lebih
 - (E) 12 peratus atau lebih
11. Pengagihan pendapatan negara-negara dunia lazimnya menunjukkan bahawa kumpulan 20 teratas menerima bahagian sebanyak _____ daripada pendapatan negara.
- (A) hampir 90 peratus
 - (B) melebihi 75 peratus
 - (C) antara 40 hingga 75 peratus
 - (D) kurang daripada 35 peratus
 - (E) antara 35 hingga 50 peratus
12. Jika R ialah jumlah pulangan, C ialah jumlah kos, E ialah eksternaliti bersih dan K ialah modal, maka perhubungan produktiviti marginal sosial (SMP) bagi model pelaburan Kuhn ialah:
- (A) $(R - C) / K$
 - (B) $(R - C + E) / K$
 - (C) $(R - E) / K$
 - (D) semua perhubungan di atas
 - (E) tiada satu di atas
13. Pengabaian pertanian dalam proses pembangunan akan membawa kepada:
- (A) ketidakcukupan tabungan negara
 - (B) kekurangan tukaran asing negara
 - (C) merendahkan peringkat pengeluaran negara
 - (D) semua keterangan di atas betul
 - (E) semua keterangan di atas tidak betul

14. Teori-teori buruh lebih mengandaikan bahawa:
- (A) negara-negara kurang maju mempunyai penduduk berlebihan
 - (B) buruh tidak memberi sebarang sumbangan kepada pengeluaran output di negara-negara kurang maju
 - (C) keluaran marginal buruh hampir kepada sifar di negara-negara kurang maju
 - (D) wujud pengangguran yang besar di negara-negara kurang maju
 - (E) semua keterangan di atas
15. Produktiviti sut buruh bersamaan sifar ($MPL = 0$) bermaksud bahawa di negara-negara kurang maju:
- (A) rakyat malas dan akibatnya mereka tidak produktif
 - (B) buruh tidak mahir dan akibatnya mereka tidak produktif
 - (C) buruh tidak mempunyai modal yang cukup untuk berusaha
 - (D) buruh diguna sehingga ke satu titik di mana pengambilan buruh terakhir tidak menambahkan output terakhir
 - (E) semua keterangan di atas betul
16. Model Lewis mengandaikan:
- (A) buruh boleh dikeluarkan dari sektor pertanian tanpa mengurangkan output pertanian
 - (B) alokasi semula buruh akan menghasilkan lebih hasil pertanian yang boleh digunakan bagi membiayai pelaburan
 - (C) peningkatan pendapatan sektor pertanian akan meningkatkan permintaan
 - (D) keterangan (A) dan (B) di atas betul
 - (E) keterangan (A), (B) dan (C) betul
17. Reformasi tanah diperlukan dikebanyakan negara-negara kurang maju kerana:
- (A) di bawah susunan sekarang petani-petani kurang insentif untuk memperbaiki produktiviti
 - (B) tingkat output pasti akan meningkat
 - (C) berlaku sekarang ini pengagihan tanah yang sangat tidak adil
 - (D) semua keterangan di atas betul
 - (E) keterangan (A) dan (C) betul
18. Revolusi Hijau merujuk kepada:
- (A) suatu pergerakan petani bertujuan menguasai kawalan ke atas tanah
 - (B) kemajuan teknologi moden yang membawa kepada peningkatan hasil potensi pertanian di seluruh dunia
 - (C) pengiktirafan terakhir negara-negara kurang maju tentang peranan penting sektor pertanian dalam proses pembangunan
 - (D) suatu kempen di negara-negara kurang maju supaya kembali mengusahakan tanah pertanian
 - (E) semua keterangan di atas

19. Teknologi pertanian susah berkembang kerana:
- (A) ia perlu bersesuaian dengan iklim dan keadaan setempat
 - (B) penduduk desa tidak mudah menerima idea daripada luar
 - (C) petanian saradiri takut mencuba kerana bimbang kegagalan berlaku
 - (D) semua keterangan di atas betul
 - (E) semua keterangan di atas salah
20. Negara-negara sedang membangun mengharapkan sektor industri:
- (A) berkembang pesat
 - (B) melatih pekerja dan menyerapkan mereka ke dalam jawatan berupah tinggi
 - (C) membantu mengurangkan kerugian dalam imbalan pembayaran
 - (D) menjadi perisai keselamatan dan kemegahan negara
 - (E) semua keterangan di atas betul
21. Dalam proses perindustrian, negara-negara membangun mesti membuat berbagai-bagai pilihan. Semua pilihan berikut adalah betul kecuali pilihan antara:
- (A) industri berat dan ringan
 - (B) penswastaaan dan pengkorporatan
 - (C) operasi berskel besar dan berskel kecil
 - (D) pengeluaran produk baru dan tradisi
 - (E) penggantian import dan penggalakan eksport
22. Lebih tinggi harga modal berbanding dengan upah buruh, maka teknik pengeluaran sepatutnya lebih:
- (A) berintensif buruh
 - (B) berintensif modal
 - (C) antara intensif buruh dan modal
 - (D) tidak dapat dipastikan kerana maklumat tidak cukup
 - (E) tiada jawapan di atas
23. Dengan teknologi berkadaran faktor tetap, penggantian faktor-faktor dalam pengeluaran adalah:
- (A) sifar
 - (B) tak terhingga
 - (C) satu
 - (D) besar
 - (E) kecil

24. Harga bayangan merujuk kepada harga faktor yang:
- (A) sebenarnya wujud dalam pasaran
 - (B) tidak menggambarkan keadaan sebenar akan kekurangan faktor
 - (C) menggambarkan keadaan sebenar kekurangan faktor
 - (D) (A) dan (B) betul
 - (E) (A) dan (C) betul
25. Negara-negara sedang membangun merasakan penggantian import adalah cara terbaik untuk mengindustrikan ekonomi kerana:
- (A) pasaran dalam negara telah pun wujud yang selama ini terisi dengan barangan import
 - (B) perlindungan menahan daripada persaingan asing mudah disediakan
 - (C) ia merupakan cara terbaik untuk memperbaiki imbang pembayaran yang buruk
 - (D) semua keterangan di atas betul
 - (E) keterangan (A) dan (C) betul
26. Manakah kenyataan yang salah? Negara-negara membangun selalu memilih teknik pengeluaran berintensif modal tinggi dalam sektor industri mereka kerana:
- (A) keherotan harga-harga faktor
 - (B) kekurangan buruh tidak mahir
 - (C) keinginan memodenkan ekonomi
 - (D) teknik pengeluaran berintensif buruh kadang-kadang tidak ada
 - (E) semua kenyataan di atas salah
27. Pertumbuhan penduduk di negara-negara membangun hari ini:
- (A) lebih tinggi daripada pertumbuhan penduduk di negara-negara maju
 - (B) menjangkau setinggi 2.5 peratus setahun
 - (C) lebih tinggi daripada pertumbuhan penduduk negara maju sewaktu mereka belum maju
 - (D) sangat tinggi berbanding dengan pertumbuhan penduduk dunia pada masa silam
 - (E) semua kenyataan di atas betul
28. Kepsatan pertumbuhan penduduk pada hari ini di negara-negara membangun kerana:
- (A) kadar kelahiran yang tinggi
 - (B) kadar kematian yang rendah
 - (C) kadar kelahiran tinggi dan kadar kematian rendah
 - (D) mereka terletak di lokasi tropika
 - (E) semua jawapan di atas betul

29. Manakah kenyataan berikut *salah* berkaitan dengan negara-negara kurang maju?
- (A) Tenaga buruh di kawasan bandar meningkat lebih pesat daripada tenaga buruh negara kerana berlaku penghijrahan desa-bandar.
 - (B) Pengangguran di kawasan bandar adalah dalam lingkungan 10 hingga 20 peratus.
 - (C) Lebih kurang satu pertiga daripada buruh pertanian adalah penganggur tak ketara.
 - (D) Industri moden mereka menyerap hampir semua pertambahan tenaga buruh di kawasan bandar.
 - (E) kenyataan (B), (C) dan (D) di atas
30. Manakah yang berikut merupakan sebahagian daripada pelaburan dalam modal manusia?
- (A) \ pendidikan formal
 - (B) \ latihan semasa bekerja
 - (C) penjagaan kesihatan yang lebih baik
 - (D) amalan pemakanan yang lebih baik
 - ~~(E)~~ semua yang di atas
31. Manakah yang berikut *perlu* dalam analisis sumber manusia?
- (A) Kaji keadaan sumber manusia.
 - (B) Tentukan keperluan tenaga manusia masa kini dan masa depan.
 - (C) Rujuk kepada keperluan tenaga manusia untuk pertumbuhan dan pembangunan.
 - (D) Sediakan garis panduan dasar berhubung dengan pelaburan sumber manusia.
 - (E) kesemua di atas perlu
32. Usahawan paling rapat hubungan dengan:
- ~~(A)~~ ciptaan (invention)
 - (B) inovasi
 - (C) pengurusan
 - (D) pentadbiran awam
 - (E) semua yang di atas
33. Seorang usahawan adalah:
- (A) pengambil risiko
 - (B) inovator
 - (C) pencari untung
 - (D) guna kesempatan ekonomi
 - ~~(E)~~ semua yang dinyatakan di atas

Untuk menjawab soalan 34-36 sila rujuk kepada maklumat dalam Jadual-A2.

Jadual-A2: Darjah Ketidaksamaan Dalam Pengagihan Pendapatan di Empat Buah Negara Pada Tahun 1974 (Laporan Bank Dunia)

Negara	KNK Per Kapita (US\$)	Syer Pendapatan Penduduk	
		Terendah 40%	Teratas 20%
Thailand	200	17.0	45.5
Malaysia	350	11.0	56.0
Chile	700	13.0	56.0
U.K.	1400	18.0	39.0

34. Jika ditakrifkan syer pendapatan penduduk terendah 40 peratus menerima: (i) 12% atau kurang sebagai ketidaksamaan tinggi; (ii) antara 12% hingga 17% sebagai ketidaksamaan sederhana; dan (iii) 18% dan ke atas sebagai ketidaksamaan rendah, maka kenyataan yang tepat di bawah ini ialah:
- (A) U.K. adalah negara yang mengalami pengagihan yang lebih adil daripada negara-negara lain pada tahun 1974 kerana nisbah kaya-miskinnya ialah 2.0
- (B) Malaysia adalah negara yang mengalami pengagihan yang lebih adil daripada negara-negara lain pada tahun 1974 kerana nisbah kaya-miskinnya ialah 5.1
- (C) U.K. adalah negara yang mengalami pengagihan yang lebih buruk kerana daripada negara-negara lain pada tahun 1974 kerana nisbah kaya-miskinnya hanya 2.0
- (D) Malaysia adalah negara yang mengalami pengagihan yang paling buruk pada tahun 1974 kerana nisbah kaya-miskinnya 0.2 sahaja
- (E) kenyataan (A) dan (D) adalah tepat
35. Urutan negara mengikut pengagihan yang lebih adil adalah:
- (A) U.K., Thailand, Chile, Malaysia
- (B) Malaysia, Chile, Thailand, U.K.
- (C) U.K., Thailand, Malaysia, Chile
- (D) U.K., Chile, Thailand, Malaysia
- (E) Thailand, Malaysia, Chile, U.K.
36. Berdasarkan kepada sampel empat buah negara dalam Jadual-A2.
- (A) Darjah ketidaksamaan mempunyai hubungan songsang dengan tingkat KNK per kapita.
- (B) Darjah ketidaksamaan mempunyai hubungan terus dengan tingkat KNK per kapita.
- (C) Darjah ketidaksamaan mempunyai hubungan yang nyata dengan tingkat KNK per kapita.
- (D) Darjah ketidaksamaan seakan-akan mempunyai hubungan dengan proses pembangunan ekonomi.
- (E) tidak ada kenyataan yang betul

Sila rujuk kepada Jaudal-A3 untuk menjawab soalan 37 hingga 39.

Jadual-A3: KNK Per Kapita Tahun 1995 dan 1975 Bagi Empat Buah Negara Sampel

<i>Negara</i>	<i>KNK Per Kapita 1995 (US\$)</i>	<i>KNK Per Kapita 1975 (US\$)</i>
Malaysia	3,930	350
Korea Selatan	10,076	300
Jepun	26.315	1,000
U.S.A.	26,620	2,000

37. Negara yang telah mengalami pertumbuhan KNK per kapita yang paling pesat ialah:
- (A) Malaysia
 - (B) Korea Selatan
 - (C) Jepun
 - (D) U.S.A.
 - (E) Jepun dan Korea Selatan
38. Kadar pertumbuhan tahunan bagi Malaysia adalah:
- (A) 51.14 peratus
 - (B) 56.14 peratus
 - (C) lebih tinggi daripada kadar pertumbuhan tahunan U.S.A.
 - (D) satu pertiga daripada kadar pertumbuhan tahunan Korea
 - (E) jawapan (B), (C) dan (D) betul
39. Sekiranya Malaysia ingin mencapai taraf negara maju pada tahun 2020 dengan KNK per kapita US\$10,000.00, berapakah kadar pertumbuhan purata yang perlu dicapai oleh Malaysia mulai daripada tahun 1995?
- (A) 7.0 peratus
 - (B) 8.3 peratus
 - (C) 10.2 peratus
 - (D) 6.2 peratus
 - (E) 9.0 peratus
40. Hasrat Malaysia mencapai status negara maju pada tahun 2020 mungkin terjejas dengan kegawatan ekonomi melanda negara sekarang. Bilakah dan sektor manakah kegawatan bermula?
- (A) Mac 1997, sektor kewangan
 - (B) Julai 1997, sektor industri
 - (C) September 1997, sektor industri
 - (D) Julai 1997, sektor kewangan
 - (E) tiada jawapan di atas

Bahagian B

Jawab DUA (2) soalan sahaja dari Bahagian ini. Gunakan buku jawapan.

Soalan 2 (20 markah)

Petikan laporan Reuters (yang diterjemahkan) seperti berikut:

“Ketidaksamaan pendapatan di negara Amerika Syarikat telah meningkat di antara tahun 1970 dan 1996. Pertumbuhan ketidaksamaan itu adalah disebabkan, pada asasnya, oleh peningkatan pendapatan yang lebih besar di kalangan isirumah berpendapatan-tinggi berbanding dengan kalangan isirumah berpendapatan-rendah. Penerima pendapatan teratas 20% menikmati kenaikan 22% dalam tempoh itu manakala sebahagian besar penduduk hanya mengalami kenaikan di antara 5% hingga 7%.” (The Star, 31 Julai 1998, hlm. 26)

- (a) Adakah persoalan ketidaksamaan pengagihan pendapatan penting dalam pembangunan ekonomi? Kenapa?
- (b) Bincangkan sebab-sebab utama berlaku ketidaksamaan pengagihan pendapatan di negara-negara membangun.
- (c) Terangkan cara-cara yang lazim digunakan bagi mengukur pengagihan pendapatan dalam sesebuah negara.

Soalan 3 (20 markah)

Hasrat Malaysia untuk mencapai status negara maju telah berada di atas landasan yang baik. Ekonomi telah mengalami pertumbuhan KDNK benar melebihi 8% setahun untuk empat tahun berturut-turut mulai tahun 1993. Tiba-tiba dalam pertengahan tahun 1997 krisis ekonomi melanda negara. Pada pertengahan tahun 1998 pertumbuhan KDNK benar dilaporkan negatif 2%.

- (a) Apakah ciri-ciri negara maju yang dihasratkan oleh Malaysia mengikut wawasan 2020?
- (b) Bincangkan langkah-langkah sesuai ke arah pemulihan kegawatan ekonomi Malaysia hari ini.
- (c) Sejauhmanakah kegawatan ekonomi kini boleh mempengaruhi matlamat pencapaian status negara maju pada tahun 2020.

Soalan 4 (20 markah)

- (a) Apakah maksud harga bayangan dan kadar pulangan dalaman projek?
- (b) Dengan menimbangkan dua buah projek A dan B yang mempunyai maklumat-maklumat seperti berikut:
- (i) Kos pelaksanaan projek A ialah RM50,000.00 ditanggung hanya di permulaan projek, manakala kos pelaksanaan projek B ialah RM30,000.00 ditanggung pada permulaan projek dan RM20,000.00 di awal tahun kedua projek.
 - (ii) Jangkaan pulangan projek A: RM20,000.00 di akhir tahun pertama, RM30,000.00 di akhir tahun kedua, dan RM40,000.00 di akhir tahun ketiga. Jangkaan pulangan projek B: RM10,000.00 di akhir tahun pertama, RM30,000.00 di akhir tahun kedua, RM40,000.00 pada tahun ketiga dan RM20,000.00 pada tahun keempat.
 - (iii) Kedua-dua projek tidak mempunyai nilai modal skrap selepas tamat projek.

Adakah kedua-dua projek tersebut menguntungkan (feasible) jika kadar pulangan tabungan (kadar bunga atau dividen) ialah 9 peratus setahun? Adakah keputusan melaksanakan projek berubah jika kadar bunga atau dividen pasaran naik kepada 10 peratus setahun?

Soalan 5 (20 markah)

Perluakah Malaysia melaksanakan dasar pertanian makanan saradiri (self-sufficiency)? Bincangkan.

- oo o0o oo -